

**Taib Percaya Parti Lain Akan Contohi Kejayaan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
Bernama
23 Feb 2014**

MIRI, 23 Feb (Bernama) -- Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud yakin Barisan Nasional (BN) Sarawak akan kekal teguh biarpun selepas pengundurannya daripada politik.

Abdul Taib yang akan berundur daripada memegang jawatan Ketua Menteri Jumaat ini selepas 33 tahun berkuasa berkata ada tanda-tanda positif parti-parti komponen BN negeri cuba mengikut jejak langkah Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), tulang belakang BN negeri, apabila mahu mencapai kata sepakat.

"Perpaduan dan tolak ansur adalah kunci bagi kejayaan PBB. Saya percaya parti-parti komponen lain secara berperingkat kini berkongsi pandangan yang sama," katanya kepada pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah bagi Taman Tema Air Miri, di sini Ahad.

Selain PBB, parti komponen BN negeri yang lain termasuk Parti Rakyat Bersatu Sarawak yang berasaskan kaum Cina dan dua parti berasaskan masyarakat pedalaman, Parti Demokratik Progresif Sarawak dan Parti Rakyat Sarawak.

Abdul Taib, 78, telah menamakan Menteri Tugas-tugas Khas di Pejabat Ketua Menteri dan Ketua Penerangan PBB Tan Sri Adenan Satem sebagai penggantinya apabila beliau berundur pada 28 Feb ini.

Terdahulu Abdul Taib berkata Taman Tema Air Miri akan menjadi satu era baru kepada industri pelancongan negeri dan akan menambah lagi tarikan baharu kepada Bandar Miri terutamanya untuk aktiviti luaran.

Taman tema itu akan dibina di atas tapak seluas 41.6 hektar dalam tiga fasa, oleh pemajunya Miri Housing Group of Companies dengan fasa pertama dijangka siap penghujung 2015.

Pengerusi Eksekutifnya Datuk Lau Siu Wai berkata perancangan projek itu mengambil masa setahun dan sembilan tahun untuk penyediaan tapak sebelum peringkat pertama pembinaan bermula.

Taman tema air itu terletak di kawasan perumahan Senadin, kurang daripada 15 minit perjalanan daripada pusat pemeriksaan sempadan Sarawak-Brunei di daerah Kuala Baram, dijangka menelan kos RM1 bilion dan boleh menampung 6,000 pelawat.

Taman itu akan mempunyai kemudahan 250 bilik hotel standard antarabangsa, pusat beli belah dengan sekurang-kurangnya 300 kedai, sebuah hutan rekreasi yang mengetengahkan tumbuh-tumbuhan, pokok-pokok dan herba-herba yang ada di Sarawak, kemudahan sukan air dan kemudahan aktiviti luar.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1016779>